



**PLANMalaysia**  
Perancangan Melangkaui Kelaziman  
*Planning: Beyond Conventional*

## SIARAN MEDIA

### **‘MENYAMBUNG SEMULA HUTAN’ (*RECONNECTING THE FORESTS*) USAHA BERTERUSAN KERAJAAN DALAM MEMELIHARA DAN MEMULIHARA HUTAN**

**KUALA LUMPUR, 22 MAC 2023** – Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022 telah diserahkan oleh Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan kepada YAB Dato’ Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri dalam satu majlis pelancaran bersempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2023 dan Mesyuarat Pertama Majlis Biodiversiti Negara. Tujuan majlis pelancaran ini adalah untuk menyerahkan dokumen PIRECFS 2022 kepada agensi utama di peringkat Persekutuan iaitu Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim serta lapan (8) buah negeri iaitu Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Terdahulu PIRECFS 2022 telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ke-40, Bilangan 1/2022 pada 20 Julai 2022. Ia merupakan kajian semula kepada pelan induk yang telah dihasilkan pada tahun 2010.

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) dengan kerjasama strategik Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah menyediakan PIRECFS 2022 antara lain bertujuan untuk menghubungkan, mengekalkan dan memelihara serta memulihara kawasan-kawasan hutan yang terpisah di Semenanjung Malaysia agar wujud satu rangkaian fizikal hutan yang bersambungan di seluruh kawasan *Central Forest Spine* (CFS).

Visinya ‘Menyambung Semula Hutan’ (*Reconnecting the Forests*) ini merangkumi usaha berterusan dalam memelihara hutan supaya kadar liputan kawasan berhutan di Semenanjung Malaysia dapat ditingkatkan daripada 43% kepada 50% daripada keluasan tanah Negara sepertimana yang dipersetujui semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992. Pelan induk ini juga menyokong dasar dan polisi di bawah Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan dan Pelan Tindakan Pemuliharaan Gajah Antarabangsa agar kepentingan rangkaian hutan yang bersambungan dapat dilaksanakan bagi memelihara habitat dan pergerakan hidupan liar tersebut.

Keperluan penyediaan PIRECFS 2022 adalah berdasarkan kepada perincian dasar Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4) di bawah Tindakan KD2.1B yang memberi keutamaan untuk mengekalkan ketersambungan landskap hutan melalui pemeliharaan Rangkaian Ekologi.

Kawasan CFS di Semenanjung Malaysia yang berkeluasan 6.71 juta hektar melibatkan lapan (8) kompleks hutan yang merentasi lapan (8) Negeri iaitu Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Melalui PIRECFS 2022, terdapat 39 Rangkaian Ekologi telah dikenal pasti dengan keluasan keseluruhan 595 ribu hektar iaitu 8.9% daripada keluasan kawasan CFS bagi membantu memelihara kesihatan ekosistem termasuk mewujudkan satu rangkaian hutan yang bersambungan dan lengkap bagi kawasan rayauan populasi hidupan liar.

Pelan Induk ini juga menggariskan lima (5) Objektif, 14 Strategi, 38 Tindakan dan 228 Inisiatif Pelaksanaan dalam memastikan rangkaian kawasan hutan di Semenanjung Malaysia dan biodiversiti Negara terus dipelihara secara lebih berkesan dan berdaya laksana. Kerajaan mengharapkan agar pelan induk ini dijadikan sebagai rujukan kepada pembuat dasar, pemaju dan pihak berkepentingan untuk memaju dan mengawal penggunaan tanah di kawasan CFS agar usaha pemuliharaan dan pemeliharaan biodiversiti perhutanan dan hidupan liar akan lebih berjaya pada masa hadapan.

*#StrongerTogether*  
*#UnityInDiversity*  
*#DemiPertawi*  
*#MalaysiaMADANI*

